

UNDANG-UNDANG LAUT MELAYU:  
UNDANG-UNDANG PERAHU dan UNDANG-UNDANG BELAYAR

Oleh:

**AHMAD JELANI HALIMI**

Pusat Pengajian Umum  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
Sintok, Kedah

Undang-undang merupakan luahan pemikiran satu-satu bangsa yang bertamadun. Tidak kira sama ada ia tertulis atau tidak. Ia masih merupakan peraturan yang harus dipatuhi oleh satu-satu masyarakat yang telah memikirkannya. Hasil pemikiran yang mendalam dan teliti telah menghasilkan peraturan-peraturan yang tertentu untuk diikuti oleh sesebuah masyarakat itu bagi membentuk sebuah masyarakat yang harmoni. Walaupun peraturan atau undang-undang juga wujud dalam masyarakat primitif akan tetapi taraf pemikiran yang terdapat dalam undang-undang itu yang dapat menunjukkan ketinggian tamadun sesuatu masyarakat itu. Dari pengalaman yang dilalui dan dari pemikiran dan penelitian yang tajam maka akan lahir undang-undang atau peraturan yang baik dan lengkap bagi mengendalikan masyarakat itu.

Masyarakat Melayu merupakan salah sebuah masyarakat yang terawal di Asia Tenggara yang telah bertamadun. Pertamadunan Melayu telah dapat dikesan seawal abad pertama Masihi lagi. Tamadun Funan, Champa, Kedah Tua dan Sriwijaya merupakan di antara tamadun Melayu tua yang pernah mewarnai kawasan ini sebelum abad ke-5M. Pasti dalam tamadun ini telah wujud peraturan dan undang-undang, tapi sayangnya tidak banyak dapat dikesan kecuali sedikit-sedikit yang terdapat pada prasasti-prasasti yang ditinggalkan. Namun demikian setelah kemunculan Islam di kawasan ini peraturan dan undang-undang itu telah direkodkan dengan baik. Islam telah membawa bukan hanya akidah kepercayaan yang syumul tetapi juga peraturan dan syariah yang tersusun rapi yang berpandukan kitab al-Quran dan Hadis Rasulullah saw. Di samping itu pengetahuan dan ilmu juga tersebar luas. Ilmu yang bukan hanya dapat dikuasai oleh golongan pendeta tetapi juga oleh golongan rakyat biasa. Selepas ini bangsa Melayu telah dibentuk oleh tamadun yang baru ini menjadi satu bangsa yang lebih progresif dan maju.

Dalam masa keagungan perkembangannya inilah bangsa Melayu telah dapat menghasilkan pelbagai hasil penulisan, baik dari sudut kesusasteraan mahupun dari sudut penulisan ilmu pengetahuan dan juga undang-undang. Hingga kini lebih kurang 10,000 naskah hasil tulisan tangan orang Melayu

dahulu kala yang telah ditemui bagi membuktikan bahawa mereka merupakan bangsa yang bertamadun dan dapat mendokumentasikan hasil pemikiran mereka dengan baik. Peraturan pertama yang kita ketahui telah dihasilkan oleh Masyarakat Melayu Islam ini ialah peraturan yang terdapat pada Batu Bersurat Terengganu 702H (1303M). Peraturan yang walaupun pendek tetapi cukup untuk menguruskan kehidupan komuniti Melayu di tempat itu pada masa itu.

Selepas ini lebih banyak peraturan dan undang-undang yang ditemui di sekitar Kepulauan Melayu bagi menguruskan pentadbiran sesebuah masyarakat itu. Ada kalanya undang-undang atau kanun ini digunakan secara meluas di sekitar Nusantara manakala yang lain hanya digunakan di peringkat tempatan. Dalam dunia Melayu ini telah wujud dua asas undang-undang yang berbeza walaupun ia masih mempunyai pengaruh Islam di dalamnya; pertama, Adat Temenggung dan kedua, Adat Papatih. Yang pertama berasaskan kepada jalur keturunan sebelah bapa (*paternal*) dan yang kedua berasaskan kepada jalur sebelah ibu (*maternal*).

Dalam zaman keagungan kesultanan Melayu Melaka telah lahir dua buah undang-undang yang menjadi pedoman atau panduan bagi mengendalikan masyarakat Melaka yang semakin bersifat majmuk. Kedua-dua undang-undang ini berasaskan kepada peraturan Adat Temenggung. Satu adat (peraturan) di darat yang dikenali sebagai *Hukum Kanun Melaka* dan yang satu lagi adat (peraturan) di laut yang dikenali sebagai *Undang-Undang Laut Melaka*.

Kanun atau undang-undang adalah peraturan yang wajib dipatuhi bagi menyelesaikan pelbagai konflik dan kekecohan dalam sesebuah masyarakat. Undang-undang juga adalah satu sistem yang akan mengawal tindak tanduk manusia dan membentuk unsur-unsur dinamik dalam sesebuah masyarakat. Tanpa undang-undang sesebuah masyarakat itu akan menjadi huru-hara, akan wujud keadaan anarki. Namun demikian, undang-undang juga merupakan alat yang digunakan oleh golongan tertentu khususnya pemerintah dalam mengawal golongan bawahan untuk menjaga kepentingan mereka. Justeru itu sebahagian besar undang-undang yang dilahirkan oleh pemikiran manusia sering memihak kepada golongan yang menghasilkannya.

Dalam sejarah tiada undang-undang yang benar-benar adil kecuali undang-undang atau peraturan yang telah ditentukan oleh Allah swt. Namun demikian sering sahaja hukum-hukum Allah itu dicampuradukkan dengan undang-undang dan peraturan adat yang dibuat oleh manusia bagi tujuan menjaga kepentingan golongan tertentu. Justeru itu walaupun undang-undang Allah itu cuba dipakai, namun ia sering dicampuradukkan dengan peraturan adat dan amalan tradisi sesebuah masyarakat itu. Perkara ini amat ketara dilihat dalam undang-undang Melayu.

Sebagai sebuah bangsa yang telah lama bertamadun (mungkin lebih awal daripada abad pertama Masihi), orang Melayu sudah mempunyai undang-undang dan peraturannya yang tersendiri. Akan tetapi agak sukar untuk diketengahkan perkara ini kerana tidak ada dokumen tertulis tentangnya. Namun demikian apabila orang Melayu menerima Islam, bukti-bukti itu mula jelas kelihatan. Seperti yang telah dijelaskan di atas, undang-undang atau peraturan pertama yang tertulis dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi (Arab) adalah undang-undang yang ditemui pada batu bersurat Terengganu (702H/1303M). Selepas terbentuknya kerajaan Melayu Melaka, wujud pula *Undang-undang (Kanun) Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*. Selepas runtuhnya kerajaan Melayu Melaka terdapat pula *Kanun Pahang* dan *Undang-undang Johor* yang sebenarnya merupakan penyusunan kembali Undang-undang Melaka. Di samping itu wujud juga *Adat Aceh* yang merupakan kanun atau undang-undang bagi kerajaan Aceh Darussalam.

Namun demikian, setelah masuk abad ke-17 dan 18M, mula muncul undang-undang yang lain coraknya di negeri-negeri Melayu di utara; Kedah dan Perak. Di Kedah, ditemui satu set undang-undang yang terdiri daripada lima bahagian:

- i. Undang-undang (Pelabuhan) 1060H/1650M.
- ii. Tembera Dato' Seri Paduka Tuan 1078H/1667M.
- iii. Undang-undang Kanun Dato' Kota Star (tanpa tarikh).
- iv. Bunga Mas, Alat Kerajaan Pada Masa Tabal, Orang Besar-besar, Adat Meminang (tanpa tarikh).
- v. Undang-undang 1199H/1784M.

Kecuali *Undang-undang* 1199H/1784M, yang lain adalah undang-undang Kedah yang tersendiri. *Undang-undang* 1199H merupakan gabungan daripada *Hukum Kanun Melaka* dengan *Undang-undang Melaka*.<sup>1</sup> Walaupun dikatakan sebagai undang-undang tersendiri, namun ia tidak terlepas daripada usaha saduran daripada undang-undang dari luar khususnya dari Aceh atau mungkin juga dari India. Perkara ini jelas kelihatan dalam Undang-undang Pelabuhan 1060H. Winstedt menyatakan bahawa undang-undang tersebut merupakan peraturan pelabuhan yang telah diamalkan sejak zaman Chandra Gupta (abad ke-2SM) dan telah dimasukkan sebagai peraturan pelabuhan dalam *Tarikh-i-Tahiri* kerajaan Moghul.<sup>2</sup>

Pada abad ke-17, telah lahir pula sebuah undang-undang bertulis di Perak Darul Ridzuan. Undang-undang ini dikenali sebagai *Undang-undang 99*. Daripada apa yang dicatatkan pada awal undang-undang itu, jelas ia berasal dari Hadralmaut dan telah dibawa ke Perak sekitar abad ke-16. Namun undang-undang ini hanya dilaksanakan sebagai undang-undang di Perak setelah ia disalin dalam bahasa Melayu sekitar akhir abad ke-17M atau awal abad ke-18M. Ia telah diadaptasi dan disesuaikan dengan keadaan tempatan apabila diterima menjadi undang-undang di Perak sekitar abad ke-17/18M.<sup>3</sup> Undang-undang ini telah diguna pakai di Perak sehingga negeri itu dijajah oleh pihak British melalui Perjanjian Pangkor 1874.

Dalam pelbagai jenis hasil sastera undang-undang inilah ditemui undang-undang yang digunakan di laut atau undang-undang maritim. Sememangnya pada peringkat awal perkembangan tamadun bangsa Melayu hingga ke zaman sebelum orang Melayu dijajah oleh orang Barat, kehidupan orang Melayu bergantung pada laut. Ekonomi sebahagian besar orang-orang Melayu bergantung pada kegiatan maritim; sebagai pelaut (pegawai dan anak-anak kapal), nelayan, pedagang maritime dan pada masa-masa tertentu sebagai lanun. Justeru itu kegiatan di laut ini amat penting dalam kehidupan orang Melayu. Sejak dari zaman Sriwijaya (abad ke 6-12M) hingga ke zaman kerajaan Johor-Riau aktiviti perdagangan laut amat penting dalam kehidupan bangsa Melayu. Aktiviti ini sampai di kemuncaknya dalam zaman Kerajaan Melayu Melaka (1400-1511M).

---

<sup>1</sup> R.O.Winstedt, 1928. "Kedah Laws", dlm. JMBRAS, Vol VI, Pt. II, hal.2.

<sup>2</sup> R.O.Winstedt. 1981. *The Malays, a Cultural History*, Singapore:Graham Brash, hal.91.

<sup>3</sup> R.O.Winstedt. 1969. *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur:Oxford University Press, hal. 170.

Undang-undang ini yang dikenali sebagai *Undang-undang Laut Melaka* bukan hanya digunakan dalam zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka, tetapi terus digunakan oleh kerajaan Melayu lainnya setelah runtuh kerajaan Melaka itu; ini termasuklah oleh kerajaan Patani dan Gowa di Sulawesi. Oleh yang demikian terdapat beberapa versi undang-undang ini yang digunakan di sekitar Kepulauan Melayu. Ada yang tidak berubah daripada versi asalnya, manakala ada yang agak jauh berbeza tetapi masih mengekalkan beberapa ciri undang-undang asal itu. Di antara yang berbeza itu adalah undang-undang laut yang akan dibincangkan ini; *Undang-undang Perahu* dan *Undang-undang Belayar*.

Undang-undang ini lahir hasil daripada aktiviti perdagangan maritim yang begitu aktif pada masa itu yang memerlukan undang-undang atau peraturan yang tersusun rapi bagi mengendalikan perdagangan dan perkapalan yang banyak itu. *Undang-undang Laut Melaka* ini telah disusun oleh beberapa orang nakhoda terkenal di Melaka dan telah diperkenankan oleh Sultan Mahmud Syah (1488-1511M) sebagai undang-undang yang berkuat kuasa di laut dan di atas perahu.

Undang-undang laut Melayu merupakan sebahagian daripada hasil kesusasteraan tradisional orang Melayu yang dipercayai telah wujud sejak sebelum munculnya kerajaan Melayu Melaka lagi. Namun demikian undang-undang ini tidak tertulis hinggalah kepada zaman Sultan Mahmud Syah (1488-1511). Seperti namanya, undang-undang ini diguna pakai di laut atau di atas kapal ketika belayar. Ia berbeza daripada Undang-undang atau Peraturan Pelabuhan seperti yang terdapat dalam *Undang-undang Pelabuhan Kedah* dan *Adat Aceh*. *Undang-undang Kedah* dan *Adat Aceh* lebih menjurus kepada kegiatan di pelabuhan walaupun ia melibatkan kapal-kapal dan nakhoda serta dagangan yang dibawa oleh kapal. Berlainan daripada undang-undang laut, undang-undang pelabuhan tidak membicarakan tentang kegiatan nakhoda di laut, kesalahan jenayah dalam kapal dan juga peraturan-peraturan perdagangan yang menggunakan kapal atau perahu sebagai alat pengangkutan.

Undang-undang laut Melayu memang telah mendapat minat yang agak istimewa dari kalangan orientalis, dan ia juga telah banyak diperkatakan oleh para sejarawan dan sasterawan tempatan. Namun demikian sebahagian besar daripada mereka hanya menumpukan perhatian kepada *Undang-undang Laut Melaka* terutama yang diselenggarakan oleh R.O.Winstedt dan de Jong, sedangkan masih banyak

lagi terdapat versi undang-undang itu yang masih tidak diperkatakan orang. Dianggarkan terdapat lebih kurang 40 naskah undang-undang laut itu yang tersebar di seluruh dunia. Di kala menyusun *Maritime Laws of Malacca*, Winstedt & de Jong mencatatkan 13 versi Undang-undang Laut Melaka itu yang telah dikumpulkan oleh beberapa orientalis. Daripada versi-versi itulah mereka menyusun versi Undang-undang Laut Melaka (*Maritime Laws of Malacca*) yang telah diterbitkan dalam JMBRAS, Vol.XXIX, Pt.3, 1956. Versi-versi itu diperoleh daripada koleksi;

1. Raffles Malay MS.33 = R.33, disalin oleh Sir Stamford Raffles di Pulau Pinang pada 15 Februari 1806.
2. Raffles Malay MS.34 = R.34, bertajuk Undang-Undang Mengkasar dan Bugis. Disalin untuk Raffles pada 1806.
3. Raffles Malay MS.74 = R.74.
4. Maxwell Malay MS.5 = M.5, disalin oleh W.E.Maxwell.
5. Maxwell Malay MS.6 = M.6, disalin pada tahun 1821.
6. Maxwell Malay MS.11A = M.11A, disalin oleh Maxwell merujuk kepada undang-undang Patani.
7. Maxwell Malay MS.19 = M.19, disalin oleh Maxwell di Pulau Pinang. Salinan ini dikatakan disalin daripada salinan asal yang bertarikh 1083H (1672M).
8. Maxwell Malay MS.47 = M.47, disalin pada tahun 1882.
9. Leiden MS. Orient. 1705 (224) = L. 1705, Juynboll's catalogus CCCXXVII.
10. Leiden MS. Orient. 1726 (346) = L. 1726, Juynboll's catalogus CCCXXX. Siap disalin pada 19 Ogos 1829 di Riau oleh Encik Ismail.
11. & 12. Leiden MS. Orient. 3199 (Malay 700) = L. 3199. Juynboll's catalogus CCCXXXI. Mengandungi dua versi undang-undang laut itu.
12. MS 6619 = Br., diperoleh daripada Royal Military Academy di Breda. Didakwa telah ditulis pada tahun 1655M.<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup> R.Winstedt & de J, De Jong P.E., "The Maritime Laws of Malacca", dlm. JMBRAS, Vol.XXIX, Pt.3, 1956, h. 22-24.

Sebahagian besar daripada versi yang dinyatakan di atas mengandungi atau telah bercampur dengan undang-undang lain seperti koleksi *Maxwell Malay MS.6*. Koleksi Maxwell Malay MS.19 = M.19 pula mengandungi Undang-undang Laut di samping sebahagian daripada *Hukum Kanun Melaka* dan *Kanun Pahang*. Terdapat juga undang-undang yang merujuk kepada undang-undang Patani, Kedah, Makassar dan Rum.<sup>5</sup>

Selain daripada versi Winstedt & de Jong itu, pada tahun 2005, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan pula sebuah lagi versi undang-undang laut yang diselenggarakan oleh Mariyam Salim. Versi ini dikenali sebagai *Undang-undang Laut* yang diperolehi dari perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, di bawah kode rujukan **Cod. Or. 1726**. Di samping itu di perpustakaan yang sama diketemui juga dua buah versi undang-undang laut yang agak berbeza sedikit daripada versi-versi undang-undang laut yang dinyatakan di atas. Ia dikenali sebagai *Undang-undang Perahu* dan *Undang-undang Belayar*. Salinan dokumen ini diperolehi dari perpustakaan Universiti Leiden, Belanda di bawah kode **OR 3292** untuk *Undang-undang Perahu* dan **OR 3293** untuk *Undang-undang Belayar*. Kedua-dua undang-undang ini masih belum banyak dibincangkan dalam forum atau persidangan-persidangan. Undang-undang ini dipercayai telah diguna pakai sekitar abad ke-16 hingga ke-18M.

Boleh dikatakan kesemua undang-undang laut Melayu yang digunakan dalam negeri-negeri Melayu sekitar Selat Melaka berasaskan *Undang-undang Laut Melaka*. Namun demikian *Undang-undang Perahu* dan *Undang-undang Belayar* ini agak berbeza daripada *Undang-undang Laut Melaka* itu, walaupun terdapat pernyataan di dalam undang-undang itu yang ia berasal daripada *Undang-undang di Laut Melaka*. *Undang-undang Perahu* ini mengandungi 50 fasal dengan 15 fasal tambahan, manakala *Undang-undang Belayar* pula mengandungi 50 fasal. Fasal-fasal yang terkandung di dalam undang-undang ini adalah tentang peraturan dalam perahu, peraturan belayar, jenayah dalam perahu dan juga peraturan berdagang dan menyewa perahu.

---

<sup>5</sup> Ibid. h. 23.

Ada kemungkinan besar undang-undang itu telah disalin dalam zaman pemerintahan Portugis di Melaka (1511-1641). Jelas pada bahagian pengenalan *Undang-undang Belayar* dinyatakan bahawa undang-undang itu telah disalin oleh seseorang yang dikenali sebagai Nakhoda Sulaiman daripada Bendahara Melaka masa itu. Namun demikian Bendahara yang dinyatakan itu tidak mungkin bendahara dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka kerana dicatatkan juga bendahara yang menyimpan naskah undang-undang itu memperolehnya daripada Sultan Mahmud Syah, sultan terakhir kerajaan Melayu Melaka. Selain itu undang-undang itu pula dikatakan disimpan oleh Dato' Bendahara Seri Maharaja Mengkota Bumi kerajaan Melaka pada zaman sebelumnya.

Dalam *Undang-undang Perahu* disebut pula yang undang-undang itu diterima daripada Dato' Bendahara yang menerimanya daripada Dato' Bendahara Seri Maharaja Mahkota Bumi kerajaan Melaka. Undang-undang ini telah disalin oleh seorang yang bernama Hilal Ibrahim. Dicatatkan juga pada pengenalannya bahawa undang-undang itu telah diserahkan kepada Syahbandar untuk dikuatkuasakan.

Walaupun kedua-dua undang-undang ini menyatakan bahawa ia disalin daripada naskah yang diperolehi dari zaman Kesultanan Melayu Melaka, akan tetapi kata-kata pengenalan di dalamnya tidak ditemui dalam *Undang-undang Laut Melaka* yang disalin oleh R.O.Winstedt dan P.E. de Josselin Jong mahupun dalam *Undang-undang Laut* yang diselenggarakan oleh Mariyam Salim.

Ada kemungkinan besar undang-undang itu disalin oleh Nakhoda Sulaiman dan Hilal Ibrahim dalam zaman pemerintahan Portugis di Melaka (1511-1641) kerana selepas keruntuhan kerajaan Melayu Melaka, jawatan Bendahara terus diwujudkan dalam sistem pemerintahan Portugis walaupun fungsinya agak berbeza. Jawatan ini pada mulanya dipegang oleh Nina Chatu, seorang pedagang Hindu dan kemudian oleh keturunannya sehingga 1573. Selepas itu baru diambil alih oleh Chachil Malua bekas raja Tidore dan keturunannya. Setelah Melaka jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641, jawatan Bendahara itu dimansuhkan.

Kedua-dua undang-undang ini mengandungi pelbagai perkara yang berkaitan dengan perahu dan pelayaran, termasuklah;

- i. Peraturan-peraturan tentang perahu
- ii. Jenayah yang dilakukan dalam perahu
- iii. Peraturan menumpang dan menyewa perahu
- iv. Peraturan berdagang dan berkongsi dagangan yang dibawa oleh perahu
- v. Tugas dan tanggungjawab pegawai dan awak/anak perahu

Kelihatannya Undang-undang Perahu sangat jauh berbeza daripada Undang-undang Laut Melaka yang asal jika dibandingkan dengan Undang-undang Belayar. Undang-undang Perahu lebih banyak membicarakan tentang hal-hal pengendalian perahu dan perdagangan, sedangkan Undang-undang Laut Melaka lebih menumpukan kepada jenayah dan pelanggaran tata tertib dalam perahu. Kelihatan juga Undang-undang Belayar lebih mirip kepada undang-undang laut asal itu.